

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2/3/2012

Tindakan dedah surat Dr. M beri tamparan hebat buat Anwar

UM - 2/3/2012

KUALA LUMPUR 1 Mac - Datuk Seri Anwar Ibrahim dikatakan menerima tamparan hebat ekoran tindakan kerajaan mendedahkan surat yang ditulis bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada tiga Perdana Menteri Israel iaitu Yitzhak Rabin, Benyamin Netanyahu dan Ehud Barak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (**gambar**) berkata, Ketua Pembangkang itu kini dalam ketakutan sebab jelas terbukti hanya beliau sahaja yang menyokong usaha menjaga keselamatan Israel.

"Daripada dulu lagi kita tahu tiga surat tersebut tidak menyatakan sokongan terhadap Israel. Saya tidak

tahu mengapa ia dijadikan isu.

"Dia dah kena teruk. Bila dia dah jatuh dia nak tarik semua orang. Sebab itu dia tuduh Dr. Mahathir turut menyokong Israel," katanya ketika diminta mengulas tentang kesan tiga surat berkenaan terhadap Anwar.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Debat Penuntut-Penuntut Universiti bertajuk 'Wajarkah hukuman mati dimansuhkan di Malaysia?' di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis peras-



mian tersebut Duta dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia, Vincent Piket dan Presiden Majlis Peguam, Lim Chee Wee.


Dalam perkembangan sama, jelas Mohamed Nazri, kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap nasib rakyat Palestin dan isu berkaitan keselamatan Israel dianggap tidak penting.

"Saya pernah berkhidmat dalam Kabinet Dr. Mahathir dan sejauh ini, beliau tidak pernah pro Israel. Beliau sentiasa konsisten," katanya.

Surat Mahathir kepada 3 PM Israel



KUALA LUMPUR
26 Feb. - Beliau ialah mentera yang ditulis oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada tiga Perdana Menteri Israel: Yitzhak Rabin pada tahun 1993, Benyamin Netanyahu pada tahun 1997, dan Ehud Barak pada tahun 1999 seperti yang diulas dalam artikel ini.



PERDANA MENTERI MALAYSIA
21 Disember 1993

TUAN Yang Terutama Tuan Yuzuf Izrael, Rabin Perdana Menteri Israel JERUSALEM

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas surat tuan bertarikh 17 Oktober memaklumkan saya mengenai Perjanjian Oslo dan Pengiktirafan Bersama antara Israel dan PLO. Kerajaan saya menyokong perkembangan positif ini dan menganggapnya sebagai satu langkah awal ke arah menyelesaikan konflik yang telah berlanjutan selama bertahun-tahun.

PERDANA MENTERI MALAYSIA
14 Mac 1997

TUAN Yang Terutama Tuan Benjamin Netanyahu, Perdana Menteri Israel JERUSALEM. Surat tuan bertarikh 23 Januari sampai kepada saya semalam. Saya amat mengagumi usaha pahaq tuan untuk memajukan kepada saya status di Palestin dan rantau bersejarah. Malangnya sebahagian besar daripada perkara yang tuan nyatakan itu telah pun berubah dengan begitu pantas.

Malaysia percaya kepada keamanan dan penyelesaian masalah antara negara berjanji menentang rundingan. Sebagaimana keluar terakhir, kami beralih kepada pihak ketiga. Dalam perikatan berhubung wilayah antara Malaysia dan Singapura serta Malaysia dan Indonesia kami bersedia menyerahkan kepada Mahkamah Dunia untuk memutuskan. Pertikaian antara Malaysia dan Thailand berhubung wilayah perairan diselesaikan dengan persetujuan untuk berkongsi sumber bukan marin dengan selamba.

Di dalam negara, ketidaksamaan dalam pengalihan kelayakan antara penduduk pribumi dan kalangan yang asalnya pendatang diselesaikan menerusi bidaan afimatif di mana golongan mesin akan memperoleh perkhidmatan yang lebih besar daripada lek ekonomi yang semakin berkembang tetapi tidak ada tindakan merangkap dan mengaham semua apa yang telah pun menjadi keupayaan keturunan kalangan pendatang. Setiap orang menikmati pembahagian yang agak adil sekarang dan setiap orang agak berpuas hati. Hubungan antara kaum yang berbeza di Malaysia adalah baik dan tidak poak-peranda.

Perkara penting yang ingin saya tekankan ialah untuk tidak mengambil apa yang telah pun menjadi keupayaan orang lain sanggup dan daripada segi sejarah, ia mungkin keupayaan tuan. Aliran-aliran ini Israel telah membolehkan penempatan Arab dalam usaha mendirikan rumah bagi rakyat Israel. Sekolah-dunia, termasuk sekutu-tuan, Amerika Syarikat, mengutuk tindakan ini. Namun Israel tetap meneruskan juga.

Tuan mengutuk Syria kerana membuat ancaman. Bagaimanapun ancaman mereka adalah respons kepada tindakan tuan sendiri. Jika tuan secara paksa merampas tanah dan harta benda keupayaan penduduk Palestin, itu adalah respons selikanya mereka tidak bertindak secara ganas terhadap tuan. Itulah dengan mengancam untuk bertindak menentang tuan. Jika mereka tidak bertindak menentang tuan, itu adalah menyuarakan tidak balas yang diharapkan. Mereka akan menyuarakan salah yang diharapkan.



PERDANA MENTERI MALAYSIA
8 Jun 1999

TUAN Yang Terutama Enck Ehud Barak, Perdana Menteri Israel TEL AVIV.

Tuan Yang Terutama, Saya ingin menyampaikan antusias terhadap aras keamanan dan kestabilan pilihan raya baru-baru ini. Dengan marhal yang cukup meyakinkan, saya berharap tuan dan rakan-garaguan tuan akan dapat memimpin masa depan rakyat Israel di arnab Abad baru.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengaham pendirian Malaysia yang sentiasa memperjuangkan keamanan dan penyelesaian masalah antara-jiran menerusi rundingan.

Oh! itu mengaham harapan kami untuk melihat pelaksanaan bersama perjanjian yang ditandatangani antara PLO dan Israel. Kami juga percaya jika proses perdamaian hendak dilaksanakan langkah-langkah berkesan mesti diambil untuk memulau komitmen.

Sebagai rakan penting dalam proses damai adalah mustahak bagi Israel lebih bersedia bertolak ansur. Rakyat Palestin telah membuat pengorbanan besar. Mereka tidak lagi menuntut penghapusan negara Israel. Mereka malah sedia berkolaborasi untuk mencapai dengan anda.

Oh! itu luas masanya bagi Israel memberi respons positif demi mempertahankan harapan rakyat di Palestin dan Israel. Kerajaan saya akan terus mengaham dan menyuarakan harapan ini.

KERATAN Utusan Malaysia kelmarin.